

SOALAN NO: 13

mencapai 81.8% (suku pertama 2017) atau peningkatan sebanyak 60.7% berbanding 21.1% yang dicatatkan pada tahun 2008.

Bagi memastikan pembangunan infrastruktur komunikasi seiring dengan perkembangan ekonomi, pelbagai projek pembangunan infrastruktur komunikasi telah dilaksanakan di negeri Sabah dan Sarawak semenjak 2008 yang melibatkan perbelanjaan sehingga RM5 billion. Pelaksanaan projek pembangunan ini telah berjaya meningkatkan kadar penembusan jalur lebar bagi 100 penduduk di negeri Sabah daripada 2.3% pada tahun 2008 kepada 56.0% pada suku pertama tahun 2017 manakala bagi negeri Sarawak pula daripada 3.7% pada tahun 2008 kepada 93.7% pada suku pertama tahun 2017.

Pelaksanaan projek-projek ini akan terus dilaksanakan bagi memastikan ia mencukupi bagi menampung keperluan pengguna di negeri Sabah dan Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

TARIKH : 02 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)

SOALAN : 14

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan peranan Malaysian Aviation Commission (MAVCOM) dalam hal mengawal harga tiket kapal terbang. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi harga tiket kapal terbang yang mahal bagi KL-Sibu pada waktu musim perayaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission* - MAVCOM) pada 1 Mac 2016 dengan fungsi utama sebagai pengawal selia aspek ekonomi sektor penerbangan awam. Berdasarkan kepada Seksyen 17 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Akta 771), salah satu fungsi MAVCOM adalah perlindungan pengguna (*consumer protection*) dimana MAVCOM bertanggungjawab untuk menggalakkan suatu persekitaran yang membenarkan pengguna berhubung dengan industri penerbangan awam mendapat akses dengan cara yang telus kepada pilihan produk dan perkhidmatan yang berkualiti tinggi dan pada harga yang berpatutan.

Dalam hubungan ini, MAVCOM akan meneliti dan memantau perkara ini serta seterusnya akan mencadangkan pendekatan yang boleh diambil berhubung harga tiket kapal terbang yang mahal bagi laluan KL-Sibu pada waktu musim perayaan.

19

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN
AHMAD [MERSING]**
TARIKH : **2 NOVEMBER 2017 [KHAMIS]**
SOALAN : **15**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan peranan agensi-agensi di bawah Kementerian dalam penyelidikan dan pembangunan produk ubat-ubatan serta langkah-langkah yang diambil dalam mengkomersialkan produk-produk tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui agensi-agensi di bawahnya seperti National Institutes of Biotechnology Malaysia, Inno Biologics Sdn Bhd dan Agensi Nuklear Malaysia memainkan peranan penting dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) produk ubat-ubatan serta produk berasaskan kesihatan.

MOSTI melalui National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) serta dua institut penyelidikan di bawahnya iaitu Institute of Pharmaceutical & Nutraceutical dan Malaysia Genome Institute terlibat dalam R&D produk yang berasaskan ubat-ubatan melalui penyelidikan dalam bidang

genomic, nutraceutical dan *pharmaceutical*. Antara peranan utama institut ini ialah memperkasa penyelidikan yang strategik kepada negara seperti penyelidikan mengenai denggi dan obesiti, menjalankan R&D produk semulajadi (*natural product*) serta membangunkan penyelidikan dan perkhidmatan penyelidikan bagi kajian haiwan pra-klinikal.

Bagi pembangunan produk ubat-ubatan, Inno Biologics Sdn Bhd telah memeterai satu perjanjian usaha sama dengan sebuah syarikat farmaseutikal dari Iran bagi tujuan pembangunan dan pengkomersialan ubat-ubatan biosimilar bagi penyakit-penyakit kronik seperti kanser payudara, leukemia, gangguan darah dan *rheumatoid arthritis*. Kebanyakan produk-produk ini di peringkat akhir proses untuk dipasarkan. Antara aspek yang diberi tumpuan dalam projek usaha sama ini ialah pemindahan teknologi serta perkongsian kepakaran dalam teknologi dan fasiliti cGMP (*current Good Manufacturing Practice*).

Selain itu, Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) giat menjalankan penyelidikan dan pembangunan teknologi nuklear dalam pelbagai bidang termasuk bidang perubatan. Aktiviti R&D ubatan dari sumber semula jadi telah bermula sejak tahun 2002, dengan fokus utama penyelidikan terhadap pembangunan agen anti-kanser dan produk fitofarmaseutikal terpiawai untuk rawatan kanser.

Melalui aktiviti R&D yang dijalankan, Nuklear Malaysia telah berjaya membangunkan satu produk fitofarmaseutikal terpiawai iaitu Deltozide Tablet 200MG. Produk fitofarmaseutikal ini adalah berasaskan tumbuhan mas cotek yang diformulasikan dalam bentuk tablet.

21

Tuan Yang di-Pertua,

MOSTI sentiasa memberi penekanan kepada pengkomersialan produk R&D melalui program Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY). Melalui inisiatif ini, MCY berperanan sebagai platform pemindahan teknologi dan pengkomersialan antara pelbagai agensi, universiti dan pihak swasta untuk mengiatkan lagi usaha pengkomersialan hasil R&D negara. Platform MCY menyediakan intervensi pengkomersialan seperti program bina upaya, suai padanan perniagaan, peluang pelaburan dan promosi pasaran.

Dengan usaha yang berterusan ini, MOSTI yakin produk-produk R&D yang dihasilkan dapat dikomersial dan dipasarkan secara lebih meluas sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.